

11/07/1999

Kaset arahan bunuh, mencerca sultan

TUMPAT: Satu lagi kaset yang didakwa mengandungi arahan membunuh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan mencaci peribadi Sultan Kelantan dikesan, diedar pihak tertentu kepada guru dan sekolah melalui pos.

Kandungan kaset bertajuk SHIT pada kulit luar itu, dikatakan mengandungi ucapan seorang pemimpin pembangkang yang turut diselangsadikan dengan ayat al-Quran selain arahan membunuh Perdana Menteri serta perkataan fitnah dan mencerca peribadi Sultan Kelantan ketika baginda menjadi Tengku Mahkota.

Pengerusi Memerangi Fitnah dan Panel Peguam Umno, Datuk Paduka Ibrahim Ali, berkata tindakan pemimpin pembangkang itu mencerca peribadi Sultan Kelantan tidak berasas.

"Saya terima kaset itu malam tadi dan ia difahamkan sudah diedar ke sekolah. Selain mengandungi arahan membunuh Dr Mahathir, ia juga mencerca peribadi Sultan Kelantan.

"Bersama kaset, ada satu risalah mendakwa, kononnya mereka mempunyai wang berpuluh juta ringgit. Mereka meminta penerima kaset dan risalah, mencetaknya semula untuk diedar ke kampung, kepada guru dan sekolah melalui pos," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-21, Pertubuhan Peladang Kawasan Bunga Raya, dekat sini semalam.

Pada pertengahan Mac lalu, Ibrahim membuat satu laporan polis di Balai Polis Daerah Kota Bharu berhubung satu kaset yang mengandungi arahan membunuh Perdana Menteri.

Pihaknya memandang serius perkara itu dan meminta polis menyiasat perkara berkenaan yang dianggap merbahaya kerana kandungannya menyamai dengan arahan pada kaset pertama dulu, cuma wujud sedikit tambahan iaitu mencerca peribadi Sultan Kelantan dan beliau sendiri.

"Saya percaya perbuatan ini ditaja pihak tertentu sebab kos untuk mencetaknya tidak murah," katanya.

(END)